UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI DEEPAVALI 2026: CAHAYA DEEPAVALI, SEMARAK PERPADUAN

PUTRAJAYA, 6 November 2026 - Deepavali merupakan antara perayaan yang memperlihatkan keindahan dan kekayaan warisan budaya masyarakat Malaysia.

Tradisi menghias kolam, memasang pelita, menyediakan juadah tradisional serta amalan rumah terbuka dan kunjung-mengunjungi bukan sekadar menyerikan perayaan, malah menjadi wahana memperkukuh semangat kejiranan dan hubungan antara masyarakat pelbagai kaum. Keindahan ini merupakan sebahagian daripada khazanah warisan negara yang perlu terus dipelihara dan diwariskan kepada generasi akan datang.

Sesungguhnya, kekuatan Malaysia terletak pada keupayaan rakyatnya untuk hidup bersama dalam kepelbagaian. Setiap perayaan membuka ruang untuk kita saling mengenali, memahami, menghormati, menerima dan meraikan keunikan antara satu sama lain. Semangat inilah yang perlu terus diperkasakan dalam usaha membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu, beridentiti nasional dan berteraskan nilai kebersamaan.

Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI) akan menganjurkan **Sambutan Hari Deepavali Tahun 2026 Peringkat Kebangsaan** pada **14 November 2026 (Sabtu)** bertempat di **Little India Brickfields, Kuala Lumpur** bermula **8.00 pagi hingga 11.30 malam**. Sambutan bertemakan **"Cahaya Deepavali Semarak Perpaduan"** ini dijangka menghimpunkan seramai 5,000 pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat dan akan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri.

Pelbagai pengisian menarik telah dirangka sepanjang sambutan ini, antaranya persembahan kebudayaan dan tarian tradisional India, persembahan alat muzik klasik seperti Veenai dan Mridangam, demonstrasi seni mempertahankan diri seperti Silambam, Kalaripayattu dan Karra Samu serta pertunjukan fesyen.

Lebih istimewa, sambutan kali ini turut menampilkan reruai Rumah KAMI yang memperkenalkan kepelbagaian warisan dan tradisi masyarakat Melayu, Cina, Tamil, Telugu, Punjabi, Gujarati dan Malayalee. Kemeriahan sambutan turut diserikan dengan persembahan artis dan penyanyi terkenal tanah air antaranya Yogi B & Natchatra, Buggimaan, Havoc Brothers, Zubir Khan, Gayathri Thandapany, Kashmir Stone dan Kumaresh.

Kementerian Perpaduan Negara ingin mengajak seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama untuk bersama-sama memeriahkan Sambutan Hari Deepavali Peringkat Kebangsaan ini. Marilah kita terus menjadikan kepelbagaian sebagai kekuatan, warisan sebagai kebanggaan dan perpaduan sebagai asas pembinaan negara bangsa.

YB DATUK AARON AGO DAGANG
Menteri Perpaduan Negara

MALAYSIA MADANI